

# PM bangga ekonomi Malaysia mula pulih

BUKIT KAYU HITAM 12 Mac — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini melahirkan rasa bangga kerana keadaan ekonomi Malaysia telah mula pulih di samping mengingatkan pentingnya semua golongan bersama-sama menjaga supaya ekonomi negara tidak terjejas.

Katanya, kalau ada demonstrasi, mogok dan sebagainya sudah tentu ekonomi negara ini boleh terjejas.

Beliau juga menyebut adanya "makhluk - makhluk perosak" di negara ini yang bermain politik demi kepentingan diri hingga menyebabkan UMNO sebagai parti kerajaan diharuskan baru - baru ini yang menjejaskan kepercayaan orang ramai terutama para pelabur asing terhadap Malaysia.

"Kita jangan buat sesuatu yang boleh memburukkan ekonomi negara kita,"

tegas beliau ketika merasmikan kompleks bebas cukai di sini petang ini.

Turut hadir di majlis tersebut yang dihadiri oleh lebih 5,000 orang ialah Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, Datuk Sabbaruddin Chik, Timbalan Menteri Kewangan, Senator Farid Ariffin, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Raja Ariffin Sulaiman serta Menteri Besar Kedah dan Menteri Besar Perlis, Dr. Abdul Hamid Pawanteh.

Perdana Menteri menjelaskan tujuan diwujudkan kawasan - kawasan bebas cukai di negara ini ialah bagi mewujudkan ruang ekonomi di samping meningkatkan pelaburan dan peluang - peluang pekerjaan pada penduduk tempatan.

"Kalau ekonomi merosot kita akan menerima kesan buruk darinya dan jika ekonomi kita baik, kita sama -

sama dapat nikmat darinya," ujar beliau.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga menjelaskan Kementerian Dalam Negeri (KDN) akan mengkaji semula peraturan bagi para pelawat tempatan untuk masuk ke kawasan bebas cukai Bukit Kayu Hitam yang sekarang dikehendaki menggunakan pasport antarabangsa atau pas padan dengan mengisi borang sahaja.

Beliau yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, langkah mengkaji semula peraturan tersebut bertujuan bagi memudahkan para pelawat tempatan daripada Jitra, Alur Setar, Sungai Petani dan Pulau Pinang untuk membeli - belah di situ.

Bagaimanapun pelawat tempatan tetap dikenakan cukai terhadap barang - barang yang dibeli kerana kedai bebas cukai sebenarnya untuk orang - orang asing dari Malaysia yang membeli barang - barang di situ untuk dibawa keluar, jelas Datuk Sri Dr. Mahathir.

Sementara itu, Menteri Besar Datuk Sri Haji Osman Aroff ketika menimbulkan masalah itu dalam ucapannya berharap kejadian seperti itu tidak berlaku lagi di masa - masa akan datang.

Beliau juga berharap jabatan - jabatan Persekutuan dan negeri ini dapat berbincang lebih dulu sebelum sesuatu tindakan dibuat.